

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (33)

18 Julai 2025
22 Muharram 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 31/2025

PEMERKASAAN DAN PENEMPATAN SEKSYEN REKRUTMEN & KEMASUKAN PELAJAR (SRADS) DARI BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK, JABATAN PENDAFTAR KE JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) SERTA PENSTRUKTURAN SEMULA BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK, JABATAN PENDAFTAR

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.11/2025 pada 30 Jun 2025 telah bersetuju meluluskan Pemerkasaan dan Penempatan Seksyen Rekrutmen & Kemasukan Pelajar (SRAdS) dari Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar Ke Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) serta Penstrukturan Semula Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar.

2. Objektif utama penstrukturan ini adalah bagi memperkasa fungsi dan peranan utama SRAdS dalam melaksanakan strategi promosi dan pemasaran terhadap program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti. Ini selaras dengan hasrat Universiti untuk meningkatkan kemasukan dan enrolmen pelajar terutama di peringkat pengajian pascasiswazah.

3. Penstrukturan ini berkuat kuasa pada **15 Ogos 2025** dan struktur organisasi di Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan SRAdS berikutan penstrukturan ini adalah seperti di Lampiran 1.

4. Selaras dengan penstrukturan ini juga, terdapat beberapa jawatan pentadbiran diwujudkan dan dijenamakan semula seperti di Lampiran 2.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

s.k.

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
- Ketua Kampus UTM (Cawangan Pagoh)
- Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah


STRUKTUR ORGANISASI JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)



PETUNJUK



STRUKTUR ORGANISASI PUSAT PENGAMBILAN & KEMASUKAN PELAJAR (SRAdS)



**Senarai Nama Jawatan Pentadbiran
Pusat Pengambilan & Kemasukan Pelajar**

Bil	Nama Asal	Nama Baharu	Perincian
1	-	Pengarah Eksekutif	Jawatan baharu
2	-	Ketua Bahagian Libat Urus Tempatan & Antarabangsa	Jawatan baharu
3	Ketua Seksyen Rekrutmen & Kemasukan Pelajar	Ketua Bahagian Kemasukan Pelajar	Penjenamaan semula
4	-	Ketua Seksyen Libat Urus Antarabangsa & Tinjauan Pasaran	Jawatan baharu
5	Ketua Unit Pemasaran	Ketua Seksyen Promosi, Pemasaran & Pembangunan Konten	Penjenamaan semula
6	Ketua Unit Rekrutmen & Kemasukan Pelajar Prasiswazah	Ketua Seksyen Kemasukan Prasiswazah Tempatan	Penjenamaan semula
7	Ketua Unit Rekrutmen & Kemasukan Pelajar Pascasiswazah	Seksyen Kemasukan Pascasiswazah Tempatan	Penjenamaan semula
8	-	Seksyen Kemasukan Prasiswazah & Pascasiswazah Antarabangsa	Penjenamaan semula